

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH / HARI : 17 JANUARI 2017 (SELASA)



Kempen F&N-MBSA kumpul lebih 1 juta kg bahan kitar semula

KEMPEN kitar semula peringkat sekolah dianjurkan Fraser & Neave Holdings Bhd (F&NHB) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), menekankan keperluan pendidikan kitar semula dan pemuliharaan alam sekitar.

Prasekolah SK Seksyen 20 mengekalkan kejuaraan kategori tadika bagi tahun kedua berturut-turut, dengan mengumpul 4,096kg bahan kitar semula. Manakala Tadika Harmonika dan Tadika Seri Kurnia mendapat tempat kedua dan tiga dengan kutipan 2,158.2kg dan 1,514.7kg bahan kitar semula.

SJK (C) Chung Hua menjuarai kategori sekolah rendah mengumpul 15,304.3kg bahan kitar semula, menewaskan sekolah lain. Tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh SK Alam Megah (3) dengan 7,400.4kg dan SK TTDI Jaya dengan 4,911.0 kg.

Kategori sekolah menengah, SMK Bukit Jelutong, merebut tempat teratas mengumpul 10,826.6kg bahan kitar semula. SMK Seksyen 7 mengekori tidak jauh di belakang dengan 8,812.4kg manakala SMK Seksyen 18 tempat ketiga kutipan 6,890.2kg.

Sempena ulang tahun ke-10 kempen, anugerah tambahan diberikan pada sekolah rendah dan menengah mempunyai Laman Kitar Semula terbaik dan paling kreatif.

Sebagai pemenang, SK Seksyen Enam dan SMK Seksyen 16 masing-masing menerima ganjaran wang tunai RM1,000 kerana menggunakan bahan kitar semula secara kreatif di laman kitar semula sekolah mereka.

Kempen disertai 36 sekolah, lima tadika, 16 sekolah rendah dan 15 menengah, kumpul 121,321.20 kg bahan kitar semula.